

TEKS UCAPAN

**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PENUTUP MINGGU
KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 2011
PADA 10 APRIL 2011
DI DEWAN KAPITOL, KANGAR.**

Bismillahirrahmanirrahim

Y. Bhg. Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UniMAP

Y. Bhg. Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP

Pegawai-pegawai Utama UniMAP, Dekan-dekan dan Ketua Jabatan, Wakil-wakil media

Warga kerja dan para pelajar Universiti Malaysia Perlis yang dikasihi

dan hadhirin hadhirat yang saya hormati sekalian
Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan
Salam Satu Malaysia.

Selamat pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subbahau Wa Taala di atas limpah kurnia serta rezeki yang dicurahkan, kasih dan sayang-Nya mengizinkan kita semua untuk bersama-sama pada hari ini di **Majlis Perasmian Penutup Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UniMAP 2011**. Semoga majlis kita pada hari ini diberkati dan dirahmati oleh Nya.

Saya berasa amat bersyukur dengan rahmat serta izin Nya pada hari ini saya dikurniakan nikmat kesihatan yang baik untuk terus melaksanakan tugas saya seperti biasa. Saya ingin menyarankan semua warga UniMAP agar lebih mengambil berat mengenai aspek kesihatan dan keselamatan dalam menjalankan tugas sehari-hari kerana ia penting untuk memastikan hasil kerja yang berkualiti dan bermutu. Tanpa nikmat kesihatan yang baik dan aspek keselamatan yang terjamin, sesuatu kerja akan gagal dilaksanakan. Dan ianya perlu dipraktikkan sepanjang masa.

Ladies and Gentlemen,

Safety means the condition of being protected against physical, social, spiritual, financial, political, emotional, occupational, psychological, educational or other types or consequences of failure, damage, error, accidents , harm or other event which could be considered non-desirable. This can

take the form of being protected from the event or from exposure to something that causes health or economical losses.

So safety is important in the workplace because companies that employ workers have an interest in keeping the workplace safe. Job-related injuries are something that responsible employers avoid. They take the time and use company resources to make sure that the people who come to work each day are safe.

On the other hand, health is the general condition of a person in all aspects. It is also a level of functional or metabolic efficiency of an organism, often implicitly human. So, as a worker we want to work in good health. Our health is our ‘everything’. Whether you are toddler, a child, a teenager or an adult, good health enables you to perform the daily functions in life. For us, good health is important because you can go to work everyday, to earn a living, to be able to achieve your goals in life. Good health also enables you to enjoy life.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP) telah diwujudkan di UniMAP bertujuan untuk memenuhi keperluan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 sepermata

dinyatakan dalam Bahagian 4 Seksyen 15(1) – Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap majikan dan tiap tiap orang yang bekerja sendiri untuk memastikan setakat mana yang praktik, keselamatan atau kesihatan dan kebajikan semasa bekerja semua pekerjanya.

Pembangunan sistem Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan mengambil pendekatan untuk meyakinkan pekerja dan pelajar UniMAP, bahawa mereka berada di dalam suasana yang kondusif.

Seperti semua sedia maklum, sebagai sebuah universiti yang berteraskan bidang kejuruteraan, sudah pasti aspek keselamatan adalah yang paling utama kerana kita sering terdedah kepada pelbagai bentuk risiko atau kemalangan semasa mengendalikan mesin atau peralatan.

Justeru itu, UniMAP telah menujuhkan UKKP sebagai urusetia keselamatan dan kesihatan pada tahun 2004, dalam usaha membudayakan keselamatan dan kesihatan, dimana sistem Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan disini adalah berdasarkan sistem pengurusan MS 1722:2005 dan OHSAS 18001:2007 yang diiktiraf oleh NIOSH.

Hadirin Sekalian,

Sebagai sebuah universiti yang unik kerana keadaan kampusnya yang teragih di seluruh pelusuk Perlis, ia merupakan satu cabaran buat UniMAP dalam menghasilkan sistem pengurusan KKP yang lebih berkesan. Namun UniMAP menyahut cabaran itu dalam membangunkan dan menjalankan sistem tersebut mengikut kesesuaian sebagai kampus teragih.

Pada tahun 2006 kita berjaya memperolehi pengiktirafan daripada Majlis Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan menerusi Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan peringkat kebangsaan 2006 di dalam kategori agensi kerajaan, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan.

Pada November 2009 pula telah berlangsung proses audit pensijilan MS 1722:2005 dan OHSAS 18001:2007 bagi dua buah makmal terpilih untuk dibangunkan sebagai program perintis bagi perlaksanaan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan oleh NIOSH CERTIFICATION SDN BHD. Dua buah makmal tersebut adalah Teaching Factory PPK Pembuatan dan Cleanroom PPK Mikroelektronik, dan saya amat berbangga untuk mengumumkan bahawa kedua-dua makmal tersebut kini diiktiraf MS 1722:2005 dan OHSAS 18001:2007.

Kini, pihak UKKP sedang berkerjasama dengan PPK Alam Sekitar dan PPK Bahan bersama sama dengan pihak SIRIM dalam mendapatkan pengiktirafan Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) oleh Jabatan Standad Malaysia untuk makmal di kedua-dua pusat pengajian tersebut. Dengan akreditasi ini, kredibiliti serta kualiti keputusan ujian dan analisa yang dijalankan di makmal tersebut adalah diiktiraf, di samping dapat menjana pendapatan bagi UniMAP.

Maka, disini ingin saya tekankan bahawa tempat dan amalan kerja yang selamat bukan sahaja menyelamatkan nyawa, tetapi dapat menjamin kualiti kerja yang lebih bagus dan menguntungkan semua dalam pelbagai aspek.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah menjadi aktiviti tahunan UniMAP dalam mempromosi dan memberi kesedaran tentang aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Pengajuran minggu KKP sebelum ini telah memberi impak yang berkesan kepada staf dan pelajar. Minggu KKP juga telah memberi persepsi yang berbeza terhadap pemahaman aspek-aspek yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Objektif khusus Minggu KKP pada tahun ini memberi tumpuan terhadap program-program yang berkaitan dengan aspek Keselamatan Jalan Raya memandangkan staf dan pelajar mempunyai pendedahan yang tinggi terhadap hazard di jalan raya.

Minggu KKP juga dapat memupuk semangat kerjasama dan saling membantu di kalangan staf dan pelajar dalam mewujudkan suasana kerja yang kondusif dan menuju ke arah pencapaian “zero hazard”.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan bukan setakat dirasai di kalangan warga UniMAP, malah institusi-institusi di sekitar Perlis juga turut serta menjayakannya. Ini juga dapat mengeratkan hubungan di antara UniMAP dengan jabatan-jabatan luar yang berkaitan dengan aspek keselamatan dan kesihatan perkerjaan seperti Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Jabatan Keselamatan Jalan Raya, Jabatan Alam Sekitar, BOMBA serta NIOSH dan SIRIM.

Seterusnya Minggu KKP ini juga membuktikan komitmen universiti dalam merealisasikan budaya kerja yang selamat

dan sihat di UniMAP seperti yang dinyatakan dalam Polisi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UniMAP.

Akhir sekali, saya menyeru kepada semua warga UniMAP untuk sama-sama melaksanakan tugas dengan sebaiknya dalam memastikan kita sentiasa dalam keadaan bekerja yang kondusif, selamat dan sihat.

Dengan ini saya menutup ucapan saya dengan ucapan Wabillahi taufiq walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.